

SULIT

SEJARAH

1249/1

Kertas 1

Okt.

1 jam

Satu jam



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2020**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi **15** halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

1 Maklumat berikut merujuk kepada sumbangan tamadun Mesopotamia.

- Penciptaan kalendar berdasarkan sistem solar
- Penggunaan jalan laut

Apakah ilmu yang perlu dikuasai oleh masyarakat tersebut?

- A** Sains
- B** Geometri
- C** Geologi
- D** Astronomi

2 Masyarakat Hwang Ho percaya jika raja memerintah dengan adil, kerajaan dan rakyat akan menikmati kemakmuran dan kesejahteraan hidup.

Apakah yang anda faham dengan konsep tersebut?

- A** Merupakan Tuhan Ibu
- B** Raja bayangan tuhan
- C** Raja berkuasa mutlak
- D** Mandat daripada tuhan


3 Senarai berikut merujuk kepada negara kota dalam Tamadun Yunani.

- Corinth
- Athens

Mengapa negara kota tersebut tidak memberi perhatian dalam bidang pertanian?


- A** Kekurangan tanah untuk pertanian
- B** Kemahiran dalam bidang pelabuhan
- C** Kekurangan sumber bahan mentah
- D** Keadaan iklim tidak sesuai

- 4** Apakah kepentingan Alam Melayu kepada Tamadun India?
- A** Pusat ketenteraan
 - B** Pusat penterjemahan
 - C** Pembekal rempah ratus
 - D** Pembekal barang tembikar
- 5** Rajah berikut merupakan perubahan yang berlaku kepada kerajaan Funan.



- Mengapakah perubahan ini berlaku?
- A** Kemajuan teknologi
 - B** Kemudahan pelabuhan
 - C** Pemerintah berwibawa
 - D** Peningkatan penduduk
- 6** Mengapakah unsur mitos dan legenda berkaitan asal usul raja digunakan semasa pemerintahan kerajaan awal di Asia Tenggara?
- A** Memperkuat kedudukan pemerintah
 - B** Mendaulatkan sistem perundangan
 - C** Mengiktiraf golongan pendeta
 - D** Mengelakkan warisan tradisi

7 Rajah berikut merujuk kepada masyarakat Arab Jahiliah.



Mengapakah berlaku perbezaan dalam cara hidup dan pencapaian antara masyarakat tersebut?

- A** Pegangan agama
- B** Perbezaan petempatan
- C** Pendidikan masyarakat
- D** Percanggahan pendapat

8 Peristiwa tersebut telah berlaku kepada Nabi Muhammad SAW semasa baginda berumur 35 tahun.

Meletakkan Hajar Aswad ke tempat asalnya.

Apakah kepentingan peristiwa tersebut kepada masyarakat Arab?

- A** Menerima ajaran Islam
- B** Meningkatkan semangat kesukuan
- C** Perebutan kuasa menjaga Kaabah
- D** Perbalahan kaum dapat dielakkan

- 9** Maklumat berikut berkaitan dengan perjanjian antara Nabi Muhammad SAW dengan orang Arab Madinah.

Tahun	Peristiwa
622 Masihi	Perjanjian Aqabah Kedua ditandatangani antara Nabi Muhammad SAW dengan suku Aus dan Khazraj

Apakah perkara yang dipersetujui dalam perjanjian tersebut?

- I Menamatkan pemuuhan dengan Makkah
 II Mengukuhkan taat setia kepada Nabi Muhammad SAW
 III Menjemput Nabi Muhammad SAW dan orang Islam ke Madinah
 IV Mempersaudarakan orang Islam Makkah dengan orang Islam Madinah
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 10** Apakah reaksi orang Islam apabila mendengar khabar angin tentang kematian Uthman bin Affan yang dihantar untuk menerangkan tujuan mereka ke Makkah?
- A** Membela kematian Uthman
B Mengadakan rundingan damai
C Mengukuhkan pasukan tentera
D Menghantar pasukan pemerhati
- 11** Maklumat berikut berkaitan dengan sumbangan khalifah pada zaman pemerintahan Khulafa al-Rasyidin.


- Membahagikan Tanah Arab kepada 10 wilayah
- Mengumpul tulisan al-Quran
- Memperkenalkan bayaran gaji untuk tentera

Siapakah khalifah tersebut?

- A** Abu Bakar al-Siddiq
B Umar Bin al-Khattab
C Uthman bin Affan
D Ali bin Abu Talib

[Lihat halaman sebelah]

- 12** Rajah berikut berkaitan dengan cara pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain di dunia.



- A** Sistem pemerintahan
- B** Perkahwinan diraja
- C** Hubungan diplomatik
- D** Kecemerlangan individu

- 13** Maklumat berikut berkaitan dengan teori kedatangan Islam di Asia Tenggara.

Sebuah perkampungan Islam bernama Ta Shih telah wujud di Sumatera Utara pada tahun 650 Masihi

Apakah teori yang dikaitkan dengan pernyataan tersebut?

- A** Islam dari India
- B** Islam dari China
- C** Islam dari Kepulauan Melayu
- D** Islam dari Semenanjung Tanah Arab

- 14** Kedatangan Islam telah mengubah sistem politik di Asia Tenggara.

Apakah perubahan tersebut?

- I Penggunaan gelaran sultan
 - II Pengenalan perundangan Islam
 - III Pemerintahan raja berkuasa mutlak
 - IV Pengurangan pengaruh golongan pembesar
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

- 15** Maklumat berikut berkaitan dengan sistem perundangan Kesultanan Melayu Melaka.

- Hukum Kanun Melaka
- Undang-undang Laut Melaka

Apakah persamaan undang-undang tersebut?

- A Menjelaskan tanggungjawab raja dan pembesar
- B Menghuraikan tanggungjawab dan hukuman
- C Mengandungi undang-undang keluarga
- D Menerangkan permasalahan ibadah


- 16** Maklumat berikut berkaitan dengan watak yang terdapat dalam cerita jenaka atau cerita lucu masyarakat Melayu.

- Pak Belalang
- Si Luncai

Apakah sifat yang ditonjolkan pada watak tersebut?

- A Lurus bendul
- B Kejujuran
- C Kecerdikan
- D Bekerjasama

- 17** Peta 1 menunjukkan laluan utama pelaut Eropah ke Kepulauan Rempah.




Peta 1

Mengapakah Portugal menjadi pelopor kegiatan penerokaan dan penjelajahan orang Eropah ke Timur?

- A Kekuatan monarki baru
- B Menyebarluaskan tamadun
- C Mendapatkan bahan mentah
- D Galakan daripada pemerintah

[Lihat halaman sebelah]


- 18** Gambar 1 adalah alat yang telah dicipta oleh Jethro Tull.



Gambar 1

Apakah kepentingan alat tersebut?

- I Banyak lubang digali serentak
 - II Peningkatan kesuburan tanah
 - III Banyak tanaman baru ditanam
 - IV Penanaman biji benih lebih pantas
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 19** Graf 1 menunjukkan kadar pengeluaran bijih timah di Tanah Melayu oleh pemodal Eropah dan China.



Graf 1

Mengapakah pengeluaran pemodal Eropah meningkat?

- A Sokongan pembesar Melayu
- B Cukai eksport meningkat
- C Penggunaan kapal korek
- D Intensif buruh

20 Mengapakah perkembangan perusahaan perkilangan di Tanah Melayu perlahan sebelum abad ke-20?

- A Kekurangan buruh mahir
- B Persaingan barang import
- C Tumpuan pertanian komersial
- D Infrastruktur yang mundur

21 Tokoh berikut adalah nasionalis di Asia Tenggara yang telah menghasilkan karya sastera sebelum Perang Dunia Kedua.

Tokoh	Karya
Pak Sako	Anak Mat Lela Gila
Jose Rizal	Noli Me Tangere
Chairil Anuar	Kerikil-kerikil Tajam

Apakah mesej yang mereka hendak sampaikan?

- A Pembentukan kerajaan sendiri
- B Penggunaan bahasa pribumi
- C Penindasan terhadap rakyat
- D Pembelaan terhadap wanita

22 Persatuan Belia Buddha adalah pertubuhan tahap pertama di Burma yang menggunakan **Isu Kasut** untuk membangkitkan semangat nasionalisme rakyat.

Mengapakah persatuan tersebut ditubuhkan?

- A Mengkalkan tradisi Buddha
- B Melancarkan pemberontakan
- C Memperjuangkan kemajuan ekonomi
- D Memperjuangkan kuasa pemimpin tempatan

[Lihat halaman sebelah

- 23** Mengapakah kedatangan British ke Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah ditentang oleh pemimpin setempat?
- I Menguasai daerah mereka
II Mempengaruhi masyarakat tempatan
III Menyelaraskan penggunaan mata wang
IV Memperkenalkan sistem pentadbiran baru
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 24** Pasukan Force 136 ditubuhkan dalam kalangan orang Melayu. Apakah tujuan penubuhan pasukan tersebut?
- A** Menentang Jepun
B Menjaga kepentingan Bintang Tiga
C Menjaga kepentingan British
D Menentang MPAJA
- 25** Bagaimanakah sempadan wilayah kekuasaan seseorang raja kerajaan Melayu tradisional ditentukan?
- A** Kesetiaan rakyat
B Kegiatan ekonomi
C Konsep dewaraja
D Kekayaan hasil bumi

26 Kata perbilangan adat berikut diamalkan oleh masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

- Bulat anak buah menjadi buapak*
Bulat buapak menjadi lembaga
Bulat lembaga menjadi penghulu
Bulat penghulu menjadi raja

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat daripada perbilangan tersebut?

- A Mempertahankan konsep raja berkuasa mutlak
B Mengelakkan khazanah budaya bangsa
C Menegakkan kecemerlangan individu
D Mengutamakan kepentingan permuafakatan
- 27 Apakah **muslihat** British memperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946 di Tanah Melayu?
A Menjamin penguasaan ekonomi
B Menyekat perluasan kuasa luar
C Melindungi golongan imigran
D Mengamal dasar birokrasi Barat
- 28 Kerajaan British di Sarawak telah mengeluarkan Surat Pekeliling Bil. 9. Mengapa surat tersebut dikeluarkan?
A Melicinkan sistem pentadbiran British
B Memastikan kesetiaan kakitangan kerajaan
C Mempertahankan kedaulatan Sarawak
D Memelihara hak penduduk pribumi
- 29 Sistem Ahli dilaksanakan di Tanah Melayu dari bulan Januari 1951 hingga bulan Jun 1955.
Bagaimanakah sistem tersebut dapat memperkuuh perpaduan rakyat?
A Penggubalan Akta Hasutan
B Penggunaan bahasa kebangsaan
C Ahli dipantau oleh Majlis Raja-raja
D Ahli dilantik dalam pelbagai kaum

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 30** Maklumat berikut berkaitan dengan peranan Suruhanjaya Reid .

Merangka sebuah perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang akan merdeka

Apakah **isu hangat** yang diberi perhatian oleh suruhanjaya tersebut?

- A** Penetapan hak wilayah
- B** Penetapan sempadan
- C** Hal kerakyatan
- D** Hal imigresen

- 31** Pasangan manakah yang **betul** tentang cadangan pembentukan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman dan Lee Kuan Yew?

Pilihan Jawapan	Tunku Abdul Rahman	Lee Kuan Yew
A	Menyekat pengaruh imigran	Mengimbangi ketidakseimbangan penduduk
B	Menjamin kedudukan politik yang kukuh	Menyekat pengaruh komunis
C	Memperjuang konsep perkongsian kuasa	Mengurangkan campur tangan asing
D	Mengutamakan persamaan rumpun bangsa	Mempertahankan persamaan hak

- 32** Jadual berikut berkaitan pembahagian kerusi dalam perwakilan parlimen semasa pembentukan Malaysia 1963.

Negeri	Jumlah Kerusi
Sarawak	24
Sabah	16
Singapura	15

Mengapakah pembahagian kerusi tersebut penting kepada Sarawak dan Sabah?

- A** Pengiktirafan hak bumiputera
- B** Pembentukan perpaduan
- C** Pengukuhan kekuasaan
- D** Peningkatan kekayaan

33 Sistem Republik yang diamalkan di Perancis, Korea Selatan, India dan Filipina membolehkan seseorang Presiden yang dilantik memegang dua jawatan.

Apakah jawatan tersebut?

- I Ketua Gabenor
 - II Ketua konsulat
 - III Ketua negara
 - IV Ketua kerajaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


34 Pernyataan berikut berkaitan dengan Perlembagaan Malaysia.

Perlembagaan Malaysia telah dipinda bagi melarang perkara sensitif dipersoalkan secara terbuka.

Apakah perkara **sensitif** tersebut?

- A Sistem pilihan raya
- B Sistem Kabinet
- C Agama Islam
- D Agenda ekonomi

35 Rajah di bawah berkaitan dengan proses pilihan raya di Malaysia.



Apakah **X**?

- A Pelancaran kempen
- B Penamaan calon
- C Pembuangan undi
- D Pengiraan undi

[Lihat halaman sebelah

36 Rancangan Malaya Pertama diperkenalkan sejak sebelum merdeka lagi.

Apakah matlamat utama rancangan ini dilaksanakan?

- I Mempelbagaikan aktiviti ekonomi
 - II Merapatkan jurang pendapatan
 - III Menghapuskan ancaman komunis
 - IV Membuka kawasan perindustrian
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

37 Senarai berikut adalah antara syarikat yang terlibat dalam Dasar Penswastaan.

- Syarikat Airod Sdn.Bhd
- Tenaga Nasional Berhad (TNB)
- Telekom Malaysia Bhd

Apakah matlamat utama dasar tersebut dilaksanakan?

- A Meningkatkan taraf hidup rakyat
- B Mengatasi masalah pengangguran
- C Mengurangkan beban kewangan kerajaan
- D Mempelbagaikan kegiatan ekonomi

38 Kenyataan berikut adalah salah satu program dalam melaksanakan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Jawatankuasa Kabinet 1974

Apakah tujuan jawatankuasa ini dibentuk?

- A Menyeragamkan kurikulum bercorak kebangsaan
- B Mencadangkan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
- C Mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan
- D Menubuhkan sekolah umum dan sekolah jenis umum

39 Apakah faktor yang membawa kepada kemunculan blok dunia dan Perang Dingin?

- A** Pembunuhan pewaris takhta Austria-Hungary
- B** Persaingan meluaskan kuasa ekonomi
- C** Perebutan kawasan kaya bahan mentah
- D** Perbezaan ideologi dan fahaman politik

40 Jadual berikut berkaitan dengan Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN pada November 1971.

Tempat	Peristiwaran
Kuala Lumpur	Deklarasi Kuala Lumpur

Apakah kesan daripada deklarasi tersebut?

- A** Pembentukan AFTA
- B** Pengistiharan ZOPFAN
- C** Penubuhan SEAMEO
- D** Penubuhan RECSAM

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT